

17 SEP 2002

MALAYSIA AMALKAN AJARAN ISLAM YANG PROGRESIF

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 17 Sept (Bernama) -- Malaysia menggalakkan ajaran Islam yang progresif yang seiring dengan pemodenan dan ia wujud bersama secara aman dan harmoni dengan tamadun-tamadun lain, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini pada Isnin.

"Di Malaysia, orang Islam hidup dengan mengikuti ajaran Islam sebenar dengan mereka mengamalkannya sepenuhnya dalam pembangunan pesat ekonomi, menggalakkan anak-anak mereka cemerlang dalam sains moden dan menceburi ekonomi baru," katanya pada jamuan malam yang dianjurkan oleh Yayasan Heritage di sebuah kelab persendirian di sini.

Heritage adalah kumpulan pemikir tempatan yang telah menganjurkan jamuan tengah hari dan jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang berada di Washington baru-baru ini. Jamuan malam persendirian bagi anggota kanan kumpulan pemikir, ahli akademik dan Jabatan Negara itu, diadakan dengan kerjasama Majlis Pertukaran Malaysia-US.

Abdullah memberitahu tetamu: "Islam tidak mengajar kita menyerang orang awam yang tidak berdosa; Islam tidak mengajar kita menyerang penganut agama lain; Islam tidak mengajar kita untuk hidup dalam kemiskinan; dan Islam tidak mengajar kita untuk menolak demokrasi dan kemajuan. Orang Islam yang berfikiran sedemikian adalah mereka yang mempersendakan Islam."

Malaysia hari ini menghadapi ancaman daripada ekstremis agama yang mahu menggantikan pemerintahan Islam yang sederhana dan demokrasi di Malaysia dengan tafsiran terpesong mereka bagi sebuah negara teokratik, katanya.

"Sekali lagi, ini bukannya perjuangan bagi pengecut, dan secara bersatu kita mesti berjuang di beberapa peringkat -- daripada menahan atau membendung mereka yang mengancam keselamatan kita, kepada mengekalkan prinsip demokrasi dan pemerintahan baik," katanya.

-- BERNAMA

SH AZH RHM